

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 03 MAC 2017 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Malaysia dijamin bebas jerebu teruk tahun ini	BERNAMA
2.	Ejen risikan Korea Utara lebih aktif di Malaysia	BERNAMA
3.	Pandangan ibu bapa perlu dalam undang-undang perlakuan antisosial – MCPF	BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 3 MAC 2017 (JUMAAT)



Malaysia Dijamin Bebas Jerebu Teruk Tahun Ini

PUTRAJAYA, 2 Mac (Bernama) -- Mengikut indikasi cuaca, corak angin serta tindakan yang dirangka dalam memadam kebakaran hutan, Malaysia dijamin bebas daripada dilanda jerebu rentas sempadan tahun ini, kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Beliau berkata laporan **Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)** menunjukkan fenomena El Nino dan La Nina yang membawa hujan dan kepanasan melampau tidak akan berlaku tahun ini, dibantu keadaan neutral di Lautan Hindi yang akan berterusan sehingga akhir tahun.

"MetMalaysia juga melaporkan bahawa tiada perkara (cuaca) yang abnormal akan berlaku sebagaimana terjadi pada 2014 dan 2015, yang dilihat antara pendorong berlakunya jerebu.

"Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga akan mengambil tindakan drastik menghalang masyarakat melakukan pembakaran terbuka bermula bulan depan kerana tidak itu boleh menyebabkan situasi jerebu berkelompok terjadi seperti yang berlaku di Baram, Sarawak sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan di sini hari ini yang turut disertai Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar Datuk Dr Ahmad Kamarulnajuib Che Ibrahim.

Beliau berkata Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) juga telah membina telaga air tanah di 67 kawasan kering yang berisiko terbakar selain pembinaan 'check dam' atau sekatan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi menghalang kebakaran di tanah gambut.

Wan Junaidi berkata keyakinan Malaysia bebas jerebu juga berdasarkan tindakan efisien pihak berkuasa Indonesia dalam mendepani cabaran itu, antaranya menambah bilangan helikopter yang boleh melakukan operasi bom air.

Katanya Indonesia juga telah menubuhkan pasukan petugas khas yang akan bertindak mencari dan memadam segera kebakaran yang berlaku di kawasan-kawasan sering berlaku kebakaran hutan seperti di Kalimantan.

Malaysia juga komited menawarkan pesawat Bombardier untuk digunakan dalam operasi memadam kebakaran, katanya.

Pesawat jenis Bombardier CL 415 MP milik Agensi Pengawatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang boleh membawa sehingga 3,000 liter air setiap enam saat itu pernah digunakan dalam operasi memadam kebakaran hutan di Indonesia pada 2015.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 3 MAC 2017 (JUMAAT)



Ejen Risikan Korea Utara Lebih Aktif Di Malaysia - Penganalisis Keselamatan

Oleh Mohd Haikal Mohd Isa

BANGKOK, Mac (Bernama) -- Susulan pembunuhan secara terang-terangan warga Korea Utara Kim Jong-nam di Lapangan Terbang Antarabangsa KL 2 (klia2) di Malaysia, rahsia yang menyelubungi aktiviti risikan Pyongyang di negara itu terbongkar.

Hubungan diplomatik baik antara Malaysia dan Korea Utara sebelum insiden terbaru itu, ditambah dengan kelonggaran peraturan imigresen termasuk tidak perlukan visa telah diambil peluang oleh ejen-ejen risikan negara itu.

Penganalisis keselamatan serantau di IHS-Jane, Anthony Davis berkata operasi risikan Korea Utara, sama ada daripada Biro Peninjauan Awam (RGB) atau platform keselamatan lain bergerak aktif di Malaysia.

"Kemudahan diberikan kepada warganegara Korea Utara untuk masuk ke Malaysia tanpa visa, ejen-ejen risikan Korea Utara telah bergerak lebih aktif di Malaysia daripada di negara lain di Asia Tenggara.

"Ia telah menjadi seolah-olah hab serantau," katanya kepada Bernama dalam wawancara menerusi e-mel baru-baru ini.

Tetapi aktiviti risikan Korea Utara di Malaysia, menurut Davis yang berpangkalan di Bangkok tetapi telah melawat ke kebanyakan kawasan di rantau itu, sebenarnya dipantau oleh rakan setugas serantau dan barat.

"Perkhidmatan risikan serantau dan barat sedar tentang semua itu, dan operasi rahsia bertujuan untuk memantau aktiviti Korea Utara telah dilakukan," katanya tanpa mengulas lanjut.

Jong-nam, abang pemimpin tertinggi Korea Utara Kim Jong-un, yang hidup dalam buangan dan telah dibunuh di lapangan terbang itu pada pagi 13 Feb, sejurus sebelum beliau menaiki penerbangan untuk balik ke Macau.

Dua wanita, seorang warga Indonesia dan seorang lagi warga Vietnam ditahan atas dakwaan menyapu muka Jong-nam dengan tangan mereka yang disembur cecair beracun, dan ujian awal oleh **Jabatan Kimia** mengesahkan ia agen saraf 'VX'.

Jong-nam, yang melakukan perjalanan dengan menggunakan nama 'Kim Chol', meninggal dunia dalam perjalanan ke Hospital Putrajaya.

Menurut Davis, akibat pembunuhan Jong-nam, kesannya bukan sahaja dirasai di peringkat diplomatik tetapi juga dalam soal perisikan, dengan aktiviti risikan Korea Utara dipantau lebih ketat.

Operasi syarikat-syarikat dan aktiviti perisikan Korea Utara di Malaysia dan di rantau itu, menurutnya akan berdepan pemantauan lebih ketat dan, kemungkinan gangguan secara langsung.

"Perkhidmatan risikan melakukan operasi-operasi rahsia, termasuk gangguan terhadap perkhidmatan musuh secara berkala dan selepas insiden ini, kehidupan akan menjadi lebih sukar bagi warga Korea Utara di rantau ini dan mungkin di negara lain," katanya.

Mengenai penggunaan agen saraf 'VX' bertoksik tinggi untuk membunuh Jong-nam, Davis berkata ia hampir pasti bertujuan untuk menunjukkan bahawa operasi itu disokong oleh peringkat tertinggi negara itu.

"Kumpulan penyangak tidak mendapat akses kepada senjata jenis ini," katanya, mengenai agen saraf yang disenaraikan sebagai senjata kimia di bawah Jadual 1, Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005 dan Konvensyen Senjata-Senjata Kimia (CWC) 1997.

Berhubung pemilihan dua wanita berkenaan untuk melaksanakan misi itu dan bukannya perisik terlatih, Davis mengambil perhatian bahawa dua wanita menarik "yang bermain-main" dengan lelaki lebih tua tidak akan menyebabkan orang ramai untuk campur tangan berbanding serangan dilakukan lelaki.

"Juga sekiranya tangkapan dibuat, seperti yang berlaku, menggunakan warga asing akan mengelakkan pegawai risikan Korea Utara dikaitkan secara langsung atau disoal siasat," katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 3 MAC 2017 (JUMAAT)



Pandangan Ibu Bapa Perlu Dalam Undang-undang Perlakuan Antisosial - MCPF

SHAH ALAM, (Bernama) -- Kementerian Dalam Negeri digesa mengambil kira pandangan pihak berkepentingan termasuk ibu bapa dan badan bukan kerajaan dalam usaha mewujudkan undang-undang berkaitan perlakuan antisosial.

Naib Pengurus Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) Tan Sri Lee Lam Thye berkata pandangan pihak terbabit perlu kerana undang-undang itu melibatkan golongan di bawah pengawasan ibu bapa.

"MCPF secara dasarnya menyokong cadangan undang-undang ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung ke-7 Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Setia Alam, di sini Sabtu.

Beliau mengulas cadangan kementerian itu untuk mengkaji kemungkinan mewujudkan undang-undang perlakuan antisosial bagi mengawal perlakuan golongan bawah umur di tempat awam.

Mengulas perkembangan lain, Lee berkata berdasarkan statistik **CyberSecurity Malaysia**, sebanyak 529 kes buli siber melibatkan pelajar direkodkan tahun lepas berbanding 442 pada 2015.

Katanya sebagai langkah pencegahan dan keselamatan, pelajar tidak seharusnya berkongsi maklumat peribadi dengan pengguna Internet lain yang tidak dikenali selain tidak berkongsi gambar secara keterlaluan di media sosial.

-- BERNAMA